# KERATAN AKHBAR

**27 MAC 2014**
**(KHAMIS)**

Disediakan oleh

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Harian Metro
M/S 49

# 7 tahun jadi hamba seks

**Alor Gajah:** Tidak tahan menjadi hamba seks bapa tiri sejak tujuh tahun lalu, seorang remaja perempuan nekad membuat laporan polis berhubung tindakan lelaki durjana itu, kelmarin.

Lebih mengejutkan selain mangsa berusia 18 tahun itu, adiknya berumur 15 tahun turut didakwa menjadi tempat melepaskan nafsu bapa tiri mereka yang bekerja sebagai pembantu am rendah di sebuah agensi kerajaan sejak tiga tahun lalu.

Menurut sumber, mangsa bertindak nekad membuat laporan selepas tidak tahan dengan sikap lelaki berusia 44 tahun berkenaan merogolnya sejak dia berusia 11 tahun.

"Mangsa mendakwa kali pertama dirogol bapa tirinya pada 2007 selepas lelaki itu berpura-pura memintanya melihat keadaan adik tirinya yang demam di dalam sebuah bilik.

"Kejadian sama kerap berulang walaupun ibu mangsa berada di rumah," katanya.

Menurutnya, tidak puas menjadikan mangsa sebagai tempat memuaskan nafsu, lelaki berkenaan turut merogol seorang lagi anak tirinya berusia 15 tahun.

"Adik mangsa dirogol bapa tiri mereka sejak berusia 12 tahun kini trauma, mereka berkurung di dalam bilik dan hanya keluar untuk makan serta ke tandas," katanya.